Bekalan elektrik yang berdayaharap dan terjamin ini akan terus menjadi teras penting dalam memastikan peranan TNB sebagai penggerak kemajuan negara.



Jualan

Jumlah jualan telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM11,075.6 juta dengan Sektor Perindustrian menyumbangkan jumlah terbesar sebanyak 53.4 peratus, disusuli Sektor Komersil sebanyak 28.1 peratus, Sektor Domestik sebanyak 17.6 peratus, Lampu Awam sebanyak 0.7 peratus dan Perlombongan sebanyak 0.2 peratus.

PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pembahagian dan Penjualan Elektrik

Bahagian Perkhidmatan Pengguna memainkan peranan utama menjual elektrik dan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan TNB. Pada tahun laporan, jumlah jualan adalah sebanyak 47,197 GWj menunjukkan peningkatan sebanyak 7.9 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 43,747.1 GWj. Penggunaan sektor domestik adalah sebanyak 16.5 peratus, Sektor Komersil 9.58 peratus, Sektor Perindustrian 3.04 peratus, dari Lampu Awam 26.9 peratus.

Satu usaha bersepada ke arah perubahan telah dilaksanakan untuk mengurangkan lagi kos, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk, menentukan pertumbuhan, meningkatkan produktiviti serta dayasaing dan memperkuuhkan kedudukan TNB dalam perniagaan pembekalan elektrik.

TNB juga telah memberi perhatian khusus untuk memenuhi kehendak setiap kumpulan pelanggan yang memerlukan bekalan elektrik berkualiti dan semakin canggih. Bagi memenuhi keperluan sedemikian, TNB telah mula menyediakan bekalan yang dicipta khusus untuk memenuhi keperluan tertentu pelanggan.

Pelanggan-pelanggan

Setakat 31 Ogos 1993, bilangan pelanggan TNB bertambah menjadi 4,583,305 berbanding 4,337,617 pada tempoh yang sama tahun sebelumnya, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 5.66 peratus. Sektor Domestik mencatatkan bilangan pelanggan terbesar sebanyak 3,842,672 diikuti Sektor Komersil sebanyak 700,659, Sektor Lampu Awam sebanyak 21,363, Sektor Perindustrian sebanyak 18,558 dan Perlombongan sebanyak 53.

Pemasaran dan Penggalakan

Beberapa aktiviti telah dijalankan pada tahun laporan untuk menggalakkan penggunaan elektrik. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan meningkatkan penjualan. TNB telah melaksanakan penjualan bagi menyokong kempen kerajaan bertema 'Cintai Malaysia, Beli Barang Malaysia', satu promosi alat penghawa dingin. Sejumlah 17,038 unit alat penghawa dingin dijual sewaktu kempen ini, yang mana menghasilkan pertambahan jualan elektrik sebanyak 38 GWj setahun. Jumlah nilai jualan perkakas elektrik bagi keseluruhan kempen 'Cintai Malaysia, Beli Barang Malaysia' dicatat sebanyak RM30 juta.


Satu promosi Belian Bestari juga telah dijalankan bersama oleh TNB/SENHENG/Koperasi TNB yang mana harga berpatutan ditawarkan atas perkakas elektrik yang dibeli daripada syarikat-syarikat yang menyertainya. Promosi ini menghasilkan penjualan perkakas elektrik bernilai RM10 juta dan pertambahan penjualan elektrik 23 GWj setahun.

Sebagai sebahagian daripada strategi TNB untuk menawarkan pelanggan-pelanggan domestik TNB dengan perkhidmatan nilai ditambah, iklan-iklan radio dan televisyen telah mengumumkan rangkaian Pusat-pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB. Pusat-pusat ini yang dikenali sebagai Kedai Tenaga menawarkan Elektrik Bestari, iaitu perkhidmatan berjenama pertama dalam bidang khidmat nasihat mengenai elektrik untuk kegunaan di rumah yang memberi tumpuan kepada penggunaan elektrik secara cekap dan selamat, lampu rumah, pembaikan dan senggaraan pendawaian di dalam rumah. Elektrik Bestari juga berusaha membantu memaparkan ciri-ciri positif tenaga elektrik, iaitu cekap, bersih dan selesa.

Pada tahun laporan, TNB juga menaja Program Selera Microwave Bersama-sama TNB, iaitu satu siri televisyen dengan 13 episod yang mempromosikan masakan enak tempatan dengan menggunakan ketuhar gelombang mikro. Tujuan program ini ialah untuk mendidik rakyat Malaysia memahami kaedah asas memasak menggunakan gelombang mikro yang mudah, selamat dan sihat. Ia juga bertujuan mendidik mengenai cara-cara yang cekap lagi efisien dalam menggunakan elektrik dan sekaligus menghapuskan keraguan terhadap penggunaan ketuhar gelombang mikro.

Pada tahun laporan, TNB juga menandatangani perjanjian pembekalan elektrik dengan Titan Petrochemical (M) Sdn Bhd di Tanjung Langsat bagi perbekalan tambahan dan tunggu sedia dengan permintaan maksimum sebanyak 93 MW.





TENAGA NASIONAL



Perkhidmatan Pelanggan

Tujuh buah pejabat baru TNB telah dibuka di Kulim, Kuala Lipis, Jitra, Gua Musang, Bachok, Kuala Kangsar dan Jerantut untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik serta perkhidmatan pelanggan yang lebih efisien di kawasan-kawasan ini.

Pusat Pengurusan Panggilan (CMC)

Pusat-pusat Pengurusan Panggilan (CMC) telah dibuka di setiap negeri di Semenanjung Malaysia sebagai sebahagian daripada langkah utama ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan. Dalam hubungan ini, TNB merasa bangga menjadi syarikat utiliti pertama yang memperkenalkan satu nombor telefon, iaitu 1-5454, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan di seluruh negara. Mereka boleh menghubunginya untuk melaporkan sebarang herosakan dengan hanya membayar kos panggilan tempatan. Di peringkat permulaan, perkhidmatan ini hanya ditawarkan untuk panggilan melalui talian tetap Telekom Malaysia Berhad. Rancangan sedang disusun untuk memperluaskan perkhidmatan ini meliputi telefon-telefon bimbit.

Koridor Raya Multimedia (MSC)

Pada tahun laporan, TNB terlibat secara aktif dalam pembangunan prasarana elektrik bertaraf dunia untuk Putrajaya dan Cyberjaya.

Dasar tidak membenarkan kerja-kerja pengorekan dibuat yang diamalkan oleh Perbadanan Putrajaya memberi kesempatan kepada TNB menumpulkan perhatian kepada pelaksanaan reka bentuk yang inovatif untuk Putrajaya. Kerja-kerja di kawasan ini berjalan lancar dengan pemasangan saluran kabel sepanjang 52.7 km dan pembinaan 134 lorong serta pemasangan kabel 33kV sepanjang 45 km.

Tiga pencawang Pembahagian Utama telah dibina, yang mana satu daripadanya telah beroperasi mulai 6 Ogos 1998 untuk menyalurkan 33 kV bekalan kepada Sistem Pendinginan Lingkungan (SPL).

Bekalan elektrik Putrajaya menggabungkan sistem SCADA dan Sistem Automasi Pembahagian lengkap yang akan diintegrasikan dengan Pusat Kawalan Putrajaya. Dalam pelaksanaan prasarana elektrik di Putrajaya dan Cyberjaya, TNB telah mengenalpasti beberapa konsep inovatif dalam membekalkan elektrik mengikut piawaian antarabangsa.

Kejuruteraan Pembahagian

Untuk memastikan peningkatan yang berterusan dan keadaan prestasi sistem pembahagian keseluruhan yang berdayaharap, pasukan-pasukan pelbagai fungsi terdiri daripada anggota kerja kejuruteraan dan wilayah telah ditubuhkan untuk menyiasat, menganalisis punca kerosakan sistem dan mengambil tindakan pemberaan.

Kerja-kerja talian hidup bervoltan tinggi diperkenalkan dan beberapa jurulatih terpilih menjalani latihan di Pusat Latihan Talian Hidup di Malim Nawar, Perak. Untuk jangka panjang, kerja-kerja talian hidup akan mengurangkan gangguan bekalan terancang kepada pengguna di samping penjimatan kos melalui penggunaan aset pembahagian yang lebih tinggi.

Sebagai satu strategi jangka sederhana dan jangka panjang sistem SCADA dan sistem maklumat geografi (GIS) dilaksanakan sebagai pendekatan yang lebih efektif dan bersepada dalam menguruskan rangkaian pembahagian yang semakin kompleks. Fasa pertama SCADA/Automasi Pembahagian yang dijadual dilaksanakan dalam tempoh 2000-2003 telah diperkecilkan memandangkan kemelesetan ekonomi semasa. Fasa pertama kini akan meliputi Koridor Raya Multimedia (MSC), negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Program Pembekalan Elektrik Luar Bandar

Salah satu usaha kerajaan dalam mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar ialah melalui Program Pembekalan Elektrik Luar Bandar. Buat masa ini, terdapat tiga kategori projek pembekalan elektrik luar bandar yang dikenalpasti mengikut kaedah penyambungan bekalan, iaitu :

- i. Bekalan 24 jam melalui sistem pembahagian TNB
- ii. Bekalan 24 jam melalui stesen mini hidro dan stesen janaelektrik
- iii. Bekalan 12 jam melalui stesen kecil luar bandar.

Pada tahun laporan, 86 projek melibatkan 2,456 pengguna telah menikmati kemudahan bekalan elektrik.

OPERASI DAN SENGGARAAN SISTEM PENGHANTARAN

Penghantaran Bekalan Elektrik

Setelah elektrik dijana, ia disalur ke seluruh Semenanjung melalui sistem penghantaran Grid Nasional. Grid Nasional merentangi jarak 13,889 km melalui talian penghantaran 132 kV dan 275 kV menghubungkan semua stesen-stesen janaelektrik dengan pusat-pusat beban. Pertumbuhan pesat permintaan tenaga elektrik di Malaysia telah mendorong TNB memasang talian berkeupayaan 500 kV sebagai teras baru grid penghantaran.

Grid Nasional turut disambung dengan sistem penghantaran Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) di utara melalui talian litar tunggal 117 MVA, 132 kV. Di selatan, ia disambungkan dengan sistem penghantaran Singapore Power Ltd (SP) dari Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar ke Stesen Janaelektrik Senoko (SP) melalui dua rangkaian talian penghantaran dan kabel dasar laut 250 MVA - 230 kV.

Projek Sambungtara Elektrik Bervoltan Tinggi

Projek Sambungtara Elektrik Bervoltan Tinggi Secara Langsung (HVDC) di antara TNB dan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT)
merangkumi pembinaan rangkaian satu talian HVDC sepanjang 110 km (TNB - 85 km, EGAT - 25 km) dengan stesen penukar DC di kedua-dua pihak. Sambungtara ini akan dilakukan di antara pencawang 500/275 kV Gurun di Malaysia dan pencawang 230 kV Khlong Ngae di Thailand. Stesen ini menggunakan teknologi terkini dalam bidang elektronik: tenaga dan alat kawalan termasuk penggunaan meluas alat-alat optik dan optik: gentian bagi tujuan pengukuran, kawalan dan komunikasi, teknologi penapisan aktif dan sistem kawalan perlindungan yang tidak berpusat.

Kerja-kerja rekabentuk dan kejuruteraan sedang dilaksanakan dan projek ini dijangka siap pada Julai 1999. Apabila siap, projek ini akan memberi manfaat ekonomi perkhongsian tenaga simpanan selain dari menampung kehilangan penjanaan, mengukuhkan kestabilan sistem, memberi jaminan dan membolehkan pertukaran tenaga dalam keadaan terdesak antara kedua-dua syarikat utiliti. Sambungtara ini juga akan menjadi sambungan yang penting dalam mewujudkan Rangkaian Sambungtara penghantaran ASEAN yang bersepadu.

Grid Penghantaran 500 kV

Projek 500 kV ini direkabentuk untuk menawarkan bekalan yang lebih berdayaharap dan selamat, dan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 meliputi bahagian utara Semenanjung dan merentangi pantai barat dari Pelabuhan Telang hingga ke Gurun manakala Fasa 2 meliputi selatan Semenanjung dari Pasir Gudang hingga ke Yong Peng. Projek ini kini 98 peratus siap dengan pemasangan 503 km talian berkuasa 275 kV. Dua pencawang turut dimula tugas. Projek berkuasa 500 kV ini dijangka siap sepenuhnya menjelang awal tahun 1998.

Projek 500 kV ini telah menyediakan manfaat ekonomi dalam pertumbuhan industri-industri hiliran. Kemudahan perkilangan baru telah didirikan untuk membekal bahan-bahan dan peralatan tempatan untuk projek ini. Sumber-sumber baru ini juga menyokong perkembangan sistem elektrik tempatan dan memberi peluang untuk eksport bahan-bahan dan peralatan.

Prestasi Sistem dan Audit Pengurusan

TNB telah mengesan semua gangguan penghantaran dan menjalankan analisis terperinci ke atas peristiwa-peristiwa penting melalui audit prestasi sistem. Satu pasukan pelbagai tugas yang melibatkan kesemua jabatan dalam Bahagian Penghantaran telah ditubuhkan untuk meningkatkan operasi.

Operasi Sistem Grid Yang Berkesan

Pada Jun 1998, Jabatan Pengurusan Sistem Grid dianugerahkan pensijilan ISO 9002 bagi Pengurusan Kualiti Bersepadu. Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC) telah memulatugaskan sebuah pusat kawalan penyokong kecemasan yang lengkap dengan peralatan komputer serta sistem komunikasi. Pusat kawalan penyokong ini bertempat di lokasi tersendiri dan peranannya menyerupai kemudahan NLDC sebagai satu langkah luar jangka seandainya berlaku risiko kebakaran.

Prestasi sistem SCADA di pusat kawalan ini telah dipertingkatkan lagi. Para jurutera kawalan kini boleh melaksanakan kerja pengendalian suis secara jauh bagi peralatan penghantaran di 50 stesen janaelektrik di beberapa wilayah di seluruh Semenanjung.

Untuk meningkatkan sistem keselamatan yang berdayaharap, sebuah stesen suis 275 kV dibina di Junjung di wilayah utara dan alatubah interbus tambahan 275/132 kV telah dimulatugas di Kuala Lumpur Timur, Serdang, Melaka, Yong Peng Utara dan Skudai. Sempena acara Sukan Komanwel XVI Kuala Lumpur 98, sebuah pencawang utama 132/33/11 kV dibina di Bukit Jalil dan sebuah pencawang utama sementara 275/132 kV didirikan di Kuala Lumpur Barat untuk meningkatkan sistem keselamatan. Untuk meningkatkan kecekapan penjanaan, turbin-turbin gas di Pasir Gudang, Paka dan Melaka telah ditukar kepada kitar-padu.

Pada tahun laporan, terdapat lebih banyak stesen janaelektrik untuk kawalan penjanaan automatik. Latihan dengan menggunakan Alat Penyelaku Latihan Kawalan (DTS) telah dimulakan. Ini membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para operator sistem dalam mengendalikan keadaan operasi biasa dan kecemasan. Latihan DTS ini telahpun diperluaskan untuk meliputi para operator sistem peringkat wilayah.

Perlindungan dan Telekomunikasi

TNB dan Fibre Communications Network (M) Sdn Bhd telah bersama-sama memasang lebih daripada 4,000 km kabel gentian optik pada talian penghantaran TNB bagi memajukan rangkaian telekomunikasi digital sepenuhnya. Sistem komunikasi gentian optik adalah perlu untuk perkhidmatan telekomunikasi yang berdayaharap, selamat dan pantas bagi peningkatan operasi penjanaan dan penghantaran. Untuk melengkapkan pembangunan optik gentian, sebuah projek pembawa talian tenaga digital yang melibatkan 35 pencawang sedang dilaksanakan.

Pencapaian utama yang lain pada tahun laporan adalah permulaan tugas sistem telekomunikasi projek 500 kV, penyempurnaan Hubungan Optik Wilayah Selatan dari Pasir Gudang ke Rangsar dan penggunaan teknik suis digital bagi sistem penyokong Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC).





Amalan Pengekalan Kualiti

Dasar pengekalan kualiti TNB terbahagi kepada dua kategori, iaitu penyelenggaraan berdasarkan masa dan ramalan. Prosedur penyelenggaraan loji baru-baru ini telah dikaji semula untuk menentukan prestasi loji yang optimum dan mengurangkan kos senggaraan alatubah, instrumen alatubah, perkakasuis dan pencawang bertebat gas.

Tindakan sedang diambil untuk mengurangkan lagi gangguan ke atas talian penghantaran akibat cuaca buruk dengan memberi penekanan terhadap pemeriksaan ketahanan asas menara dan pemeriksaan puncak menara. Pemeriksaan juga sedang dijalankan untuk menemui kemungkinan hakisan tanah yang boleh menjadikan ketabilan asas menara. Penggunaan sistem diagnostik kabel bagi menentukan keadaan 'dielectric' telah dilaksanakan dengan jayanya dalam mencegah kemungkinan berlakunya kerosakan kabel.

Pengurusan Aset Penghantaran

Sebuah unit baru telah ditubuhkan untuk mengurus aset penghantaran TNB, penggunaan sumber yang teratur dan penggunaan peralatan penghantaran secara optimum. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab ke atas polisi-polisi senggaraan serta memastikan bahawa projek-projek baru memenuhi piawaian kualiti dan menepati jadual.

Jabatan Senggaraan Penghantaran

TNB telah mendapatkan khidmat firma Renoir Consultants dari United Kingdom untuk meningkatkan produktiviti Jabatan Penghantaran. Dengan langkah ini, proses-proses kerja telah diselaraskan dan jabatan ini berjaya melakukan perkhidmatan tambahan seperti senggaraan alat pemutus litar untuk Bahagian Pembahagian.

Polisi Senggaraan Penghantaran kini menggunakan kaedah pengawasan keadaan peralatan dan tidak lagi mengamalkan senggaraan corak lama yang berdasarkan waktu.

PERANCANGAN RANGKAIAN

Dengan satu langkah penyusunan semula pada April 1998, Jabatan Perancangan Rangkaian dinaikkan taraf menjadi sebuah bahagian. Bahagian ini menjalankan perancangan penjanaan, kajian sistem teknikal, perancangan grid penghantaran, perancangan rangkaian kawasan, piawai dan rekabentuk serta pangkalan data dan ramalan permintaan. Dengan fungsi-fungsi ini, Perancangan Rangkaian telah dipindahkan ke Bahagian Pengurusan Sistem Grid baru pada 1 September 1998 sebagai langkah memperkemaskan peranan yang lebih besar sebagai Operator Sistem Grid Bebas menjelang tahun 2000.

Pada tahun laporan, Bahagian ini telah menyediakan lima kajian semula ramalan permintaan bagi mencerminkan kajian berterusan kerajaan mengenai ramalan pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga terlibat dalam rombakan pelan-pelan pembangunan penjanaan untuk mencerminkan ramalan permintaan tersebut dikaji. Bahagian ini juga terbabit secara aktif dalam beberapa aktiviti lain di bawah bidang kuasanya termasuk kajian-kajian sistem mengenai Lembaga Letrik Sabah, dan satu kajian sistem bersama TEPCO mengenai skim 'pemulauan' untuk mencegah kerosakan sistem di kawasan Koridor Raya Multimedia/Kuala Lumpur dengan langkah-langkah kontingensinya.

KEWANGAN

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Kewangan (FMIS) oleh TNB dan kebanyakan anak-anak syarikatnya telah memperbaiki kos perakaunan, laporan pengurusan dan kawalan kos projek secara ketara. Sistem FMIS menggunakan perisian seluruh perniagaan jenis SAP R/3 yang mampu disesuaikan dengan Sistem Maklumat Pelanggan dan Sistem Bil (CIBS), sistem pembayaran gaji, sistem baucer dan pembayaran, dan fungsi pembekalan bagi pengurusan bahan.

Pada tahun laporan, sistem SAP R/3 telah dipertingkatkan dari versi 2.2E kepada versi 3.1H. Tiga modul tambahan SAP telah diperkenalkan dalam FMIS. Ini adalah modul Pengurusan Bahan yang telah dilaksanakan di TNB Generation Sdn Bhd; modul Perniagaan dan Pembahagian yang sedang dilaksanakan di UNITEN; dan modul Pengurusan Wang Tunai yang sedang dilaksanakan di Bahagian Kewangan TNB untuk mempertingkatkan pengawasan aliran tunai. Pada tahun kewangan berikutnya, Sistem Maklumat Pengurusan Bahan (MMIS), yang menggantikan fungsi perbekalan, akan diselaraskan dengan sistem FMIS.

TNB bersama-sama dengan perunding luar kini sedang memajukan Aliran Tunai, Belanjawan dan Pengurusan Perbendaharaan dan Rangkakerja Kawalan serta Rangkakerja Laporan Pengurusan Kewangan Kumpulan. Projek ini akan memberi tumpuan kepada pengurusan aliran tunai dan belanjawan, proses-proses dan amalan-amalan kawalan, dan risiko-risiko operasi yang terlibat; matlamat, dasar, proses dan amalan perbendaharaan dan risiko-risiko operasi yang terlibat dengannya; struktur dan proses laporan pengurusan kewangan; dan kajian semula ke atas TNB Fuel Services Sdn Bhd untuk menentukan arah yang harus diambil Syarikat dengan penyusunan semula itu.

Syarikat mempunyai instrumen kewangan tertentu termasuk aset dan tanggungan dan instrumen kewangan yang di luar kunci kira-kira yang dialami dalam perjalanan perniagaan biasa. Dalam mengamalkan strategi pengurusan risiko, syarikat mengumumkan pergerakan pasaran tanggungan kewangannya melalui penggunaan instrumen kewangan derivatif yang termasuk tukaran hadapan matawang dan kontrak opsyen dan perjanjian menukar kadar faedah matawang yang dikenalpasti sebagai kemudahan masa depan. Instrumen-instrumen ini dilaksanakan dengan institusi-institusi kewangan teguh, dan hampir keseluruhan kontrak matawang asing adalah dalam Dolar Amerika, Yen Jepun dan matawang negara-negara perindustrian utama lain.

Salah satu cara untuk memaksimumkan nilai pemegang saham dan mengekalkan sokongan positif daripada komuniti kewangan, Unit Perhubungan Pelabur (IRU) TNB telah menjalankan satu program pengumuman rasmi dan mengadakan perjumpaan bersemuka dengan pengurus dana tempatan dan asing, penganalisis kewangan dan ahli-ahli perbankan yang juga pelabur berpendapatan tetap. Lebih 150 perjumpaan telah dianjurkan pada tahun laporan, terutama antaranya adalah WICARR Indo Suez pada November 1997 di Singapura, Merrill Lynch di London pada Mei 1998, Persidangan Pasaran Baru Sedunia di Global Hong Kong pada Jun 1998, dan Paribas Asia Equity pada Julai 1998.

Hasil daripada langkah-langkah proaktif yang telah diambil, IRU TNB telah dipilih sebagai Unit Perhubungan Pelabur Terbaik oleh majalah 'Asia Money'.

PERANCANGAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN BISNES

Perkhidmatan kepada Kumpulan dan Syarikat

Perancangan Korporat dan Pembangunan Bisnes mempunyai tugas utama untuk membantu Kumpulan dan Syarikat dalam bidang yang meliputi penilaian kewangan projek, kerja-kerja asas untuk penggabungan dan pengambilan alih, pengawasan perniagaan, ketelusan suasana perniagaan dan perumusan strategi. Perancangan penjanaan dan perancangan kewangan yang dahulunya di bawah Perancangan Korporat dan Pembangunan Bisnes kini masing-masing diambil alih oleh Bahagian Perancangan Rangkaian dan Bahagian Kewangan.

Aktiviti

Pada tahun laporan, TNB meneruskan langkah penyusunan semula berikutnya perubahan Bahagian Penjanaan menjadi sebuah syarikat persendirian berhad dan rombakan Bahagian Pembahagian. Langkah penyusunan semula itu menyaksikan kewujudan Bahagian Pengurusan Sistem Grid dan penyediaan untuk memindahkan syarikat-syarikat perniagaan dan pelaburan bukan teras kepada TNB Ventures Sdn Bhd.

Satu peristiwa penting pada tahun laporan adalah kegiatan TNB menerajui penswastaan Lembaga Letrik Sabah melalui anak syarikat milik penuhnya, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).


TNB juga terlibat dengan projek-projek dan pelaburan antarabangsa seperti projek usahasama 235 MW dengan Liberty Power, Pakistan di mana TNB mempunyai 62 peratus ekuiti. Pada Julai 1998, TNB mengumumkan pengambilalihan sepenuhnya projek usahasama tersebut dari rakan kongsinya.

Usahasama dan Pelaburan Korporat

Pada tahun laporan, TNB meninjau peluang-peluang pelaburan dalam projek-projek IPP di Myanmar, Cambodia dan Vietnam. Ia juga membuat perikatan strategik dengan Petronas Nasional di bawah Petronet untuk mendapatkan tender bagi projek 2000 MW bahan api LNG di wilayah Tamil Nadu, India.

Kajitapak teknikal juga dijalankan di Iran, Arab Saudi, Sudan, Filipina dan Australia. Walaupun benua Asia dan dunia keseluruhannya menghadapi kegawatan ekonomi, TNB akan terus menjelajahi peluang-peluang perniagaan di arena antarabangsa.

Di dalam negeri, TNB telah terlibat dalam peringkat akhir projek kereta elektrik melalui pelaburannya dalam 'CAR R&D'. Ia juga mengambil ekuiti sebanyak 20 peratus dalam Kulim Hi-Tech Park melalui Northern Utility Resources.





PERKHIDMATAN KORPORAT

Perkhidmatan Korporat merupakan satu bahagian dalam TNB yang menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk menyokong pencapaian matlamat perniagaan Syarikat. Perkhidmatan-perkhidmatan ini disalurkan melalui Perkhidmatan Perolehan, Perkhidmatan Pengurusan Risiko, Perkhidmatan Hartanah, Keselamatan, Hal Ehwal Undang-Undang dan Program Pembangunan Usahawan yang telah disusun secara strategik untuk memberi sokongan padu. Di samping itu, Komunikasi Korporat berusaha memantulkan fungsi pengurusan strategik dalam menentukan imej yang positif untuk TNB.

Pada tahun laporan, Perkhidmatan Korporat memastikan bahawa kontrak-kontrak yang diberi mematuhi sepenuhnya dasar perolehan TNB demi menjaminkan bahawa Syarikat mendapat nilai, bahan dan perkhidmatan terbaik.

TNB memberi keutamaan kepada pengurusan risiko dan melaksanakan aktiviti berkaitan di semua peringkat dalam Syarikat. Peningkatan tahap pengurusan risiko TNB telah berjaya membetulkan tanggapan para wakil insurans terhadap portfolio pengurusan risiko TNB.

Dasar-dasar korporat mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah ditaja semula. Langkah mengemas kini dasar-dasar itu diperkenalkan sebagai sebahagian daripada matlamat baru Syarikat dan memberi para pengurus dan penyelia tanggungjawab baru mengenai keselamatan dan alam sekitar, kepuasan pelanggan, dayaharap dan kualiti.

Besar kemungkinan unsur paling kuat yang mempengaruhi semua organisasi pada hari ini adalah tanggapan umum. Komuniti perniagaan sedar mengenai perkara ini tatkala membicarakan tentang muhibbah. Muhibbah perniagaan bukan sahaja bererti sikap pengguna terhadap produk dan perkhidmatan syarikat bahkan juga mengenai sikap pelabur, kerajaan, pemegang saham, komuniti dan seluruh anggota kerja.

Pada tahun laporan, Komunikasi Korporat bertanggungjawab mengawal tanggapan positif terhadap Kumpulan dan Syarikat. Peranan utama yang strategik ini adalah sejajar dengan keperluan sebuah syarikat perniagaan besar seperti TNB, apatah lagi dalam keadaan penyusunan semula korporat semasa untuk meningkatkan prestasi perniagaan.

Pada tahun laporan, Perkhidmatan Korporat juga menyediakan khidmat nasihat undang-undang kepada Kumpulan dan Syarikat, dan menjadi pengurus aktif dalam rundingan dan penyediaan perjanjian serta dokumen-dokumen lain. Antara tugas-tugas utama yang dijalankan pada tahun laporan ialah penyediaan perjanjian pembelian tenaga dengan TNB Janamanjung Sdn Bhd, Perlis Power Technology Sdn Bhd dan Automan Power Producers Sdn Bhd; penswastaan Lembaga Letrik Sabah; pengawasan pepijat alaf Y2K; perjanjian-perjanjian usahasama elektrik dengan Pakistan dan Bangladesh; penyusunan semula organisasi TNB; penyediaan perjanjian mengenai penyertaan ekuiti dalam projek-projek elektrik seperti Bakun, Kulim Hi-Tech Park dan lain-lain.

Program Pembangunan Usahawan terus dimajukan oleh Syarikat sebagai sebahagian daripada sumbangannya kepada dasar pembangunan nasional.

Tugas-tugas perolehan tanah, pengurusan harta tanah dan senggaraan aset adalah fungsi sokongan utama. Selain itu, Perkhidmatan Korporat juga menjalankan urusan permohonan tanah yang termasuk pengurusan laluan bagi talian penghantaran dan mendapatkan kelulusan bagi pembinaan dan pembelian harta tanah yang diperlukan oleh TNB bagi kegunaan sebagai pejabat dan kuarters.

Perkhidmatan Korporat juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan, harta dan anggota kerja Kumpulan dan Syarikat dengan menyediakan perkhidmatan keselamatan.

SUMBER MANUSIA

Perancangan sumber manusia yang berkesan dan latihan sistematis terus menjadi agenda utama TNB ke arah memenuhi matlamat korporat. Dalam usaha strategik untuk mengubah Kumpulan dan Syarikat menjadi sebuah perbadanan terkemuka dan berjaya, TNB telah melaksanakan penyusunan semula dengan mengukuhkan pengurusan dan kecekapan asas dan meningkatkan lagi keupayaan dan kebakaran. Dasar-dasar sumber manusia yang baru lagi berkesan berhubung penyusunan anggota kerja, pembangunan kerja, serta peningkatan dan dorongan keupayaan membantu TNB menguruskan sumber manusianya secara lebih cekap dan berkesan. Ini menghasilkan keharmonian dalam perhubungan perindustrian di kalangan kesatuan eksekutif dan bukan eksekutif serta produktiviti yang lebih tinggi.

Walaupun operasi telah berkembang secara ketara dengan tambahan 245,688 pelanggan baru pada tahun laporan, TNB masih mengekalkan bilangan anggota kerjanya seramai 22,890 orang (terdiri daripada 2,389 eksekutif dan 20,501 bukan eksekutif) berbanding 23,240 pada tahun sebelumnya.

Teknologi Maklumat digunakan bagi pelaksanaan Sistem Maklumat Sumber Manusia dan Penggajian bersepadu di seluruh peringkat korporat. Sistem Perubatan Sementara membantu mengurus dan mengawal kos perubatan secara berkesan.

SEKRETARIAT KUALITI

Pada tahun laporan, TNB meneruskan amalan dasar kualiti yang agresif bermula sejak penswastaannya. Sekretariat Kualiti disusun semula menjadi sebuah unit yang melapor terus kepada Pengerusi Eksekutif dan Presiden untuk meningkatkan kesedaran tentang kualiti di semua peringkat dalam syarikat di seluruh negara. Rancangan Induk Kualiti yang melibatkan semua peringkat dari Pengerusi Eksekutif dan Presiden ke bawah telah dirumus untuk menghasilkan rancangan-rancangan berkualiti bagi membangunkan satu budaya kerja berkualiti yang kukuh di kalangan anggota kerja TNB.

TNB juga menjelajahi aktiviti baru yang akan meningkatkan lagi pencapaian kualiti. Ia mengukuhkan lagi Program Khidmat Pelanggan Berkualiti (QCSP) untuk mewujudkan kesedaran mengenai budaya kerja berkualiti serta perubahan siap. Ia juga terus memberi kemudahan kepada Kumpulan Peningkatan Khidmat Pelanggan Berkualiti (QCS-IT) dengan mewujudkan kumpulan-kumpulan kecil terdiri dari anggota kerja bagi menyelesaikan masalah-masalah di tempat kerja.

Konvensyen-konvensyen QCS-IT diadakan di peringkat stesen, daerah, wilayah, bahagian dan nasional untuk membentangkan hasil projek-projek inisiatif anggota kerja.

Konvensyen QCS-IT dan pameran inovasi peringkat kebangsaan tahun 1997 telah berlangsung dari 21 hingga 23 Disember. Seramai 35 pasukan QCS-IT mengambil bahagian dalam Pameran Inovasi tersebut di mana 12 pasukan membentangkan projek masing-masing.

Enam daripada mereka berjaya memasuki pusingan akhir Penganugerahan Konvensyen Q anjuran Perbadanan Produktiviti Kebangsaan (PPK). Empat pasukan memperolehi markah tertinggi, salah satu daripadanya muncul sebagai juara nasional.

AUDIT KORPORAT

Audit Korporat mempunyai fungsi bebas di dalam TNB untuk melaksanakan penyemakan dan penilaian secara sistematik ke atas kawalan perniagaan kumpulan syarikat-syarikat di bawah TNB bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Objektif utama adalah untuk menambah nilai kepada perniagaan dengan membantu pihak pengurusan meningkatkan kawalan dan memastikan bahawa operasi perniagaan dijalankan secara berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat korporat sejajar dengan piawaian amalan pengurusan.

Pada tahun laporan, nilai ditambah diperolehi melalui dua strategi. Pertama, lebih banyak waktu ditumpukan kepada penilaian risiko, analisis dan tindakan pengurusan berbanding pengumpulan data dan menyediakan laporan. Kedua, di samping kawalan yang sememangnya praktikal dalam audit tradisional, tumpuan juga diberi kepada sikap anggota kerja terhadap kawalan, etika, nilai, budaya, bidang kuasa, keupayaan dan profesionalisme. Kesemua unsur ini bersama-sama membentukkan saranan tindakan bagi meningkatkan operasi bisnes.

Dengan perubahan ini, Pengurus-pengurus Wilayah dan Daerah memikul tanggungjawab yang lebih besar. Kawasan-kawasan yang telah diaudit pada tahun laporan termasuk daerah-daerah dalam wilayah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang. Audit Korporat memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan prestasi membaiki kerosakan, mengurangkan kerugian dalam pembahagian, meningkatkan kawalan kewangan, serta mewujudkan pengurusan bahan yang lebih berkesan. Di samping itu, penyemakan audit tahun semasa ke atas prestasi peralatan yang terpasang di stesen-stesen janaelektrik, sistem penghantaran dan pembahagian turut mengengahkan isu-isu penting untuk dipertingkatkan, khususnya dalam bidang perolehan dan proses pengeluaran tender, kawalan kualiti, pengurusan kontrak, operasi dan penyelenggaraan.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan, Audit Korporat kini menjalankan audit ke atas anak-anak syarikat sejarah dengan strategi korporat untuk menubuhkan anak-anak syarikat bagi menjalankan operasi bisnesnya supaya terdapat tumpuan pengurusan, kawalan dan akauntabiliti yang lebih baik. Tugas Audit Korporat adalah menentukan dan menilai potensi syarikat dalam perspektif jangka pendek dan panjang, prospek projek-projeknya, serta hubungkait antara syarikat pemegang dan anak-anak syarikatnya dan juga di kalangan anak-anak syarikat yang mendorong keadaan terbaik bagi mempertingkatkan nilai pemegang saham.

ANAK-ANAK SYARIKAT

SETIAUSAHA SYARIKAT

Pejabat Setiausaha Syarikat diwujudkan selaras dengan peruntukan undang-undang yang tercatat dalam Seksyen 139A Akta Syarikat 1965. Setiausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam memastikan Syarikat serta Kumpulannya dikawal oleh pengawalan korporat dengan mematuhi undang-undang berkanan serta Tatacara dan Tataurusan Syarikat berhubung perniagaan syarikat. Pejabat Setiausaha Syarikat juga dikehendaki mematuhi segala peruntukan yang tercatat dalam Peraturan Penyerahan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada tahun laporan, tugas utama Pejabat Setiausaha Syarikat adalah membantu Lembaga Pengarah Syarikat dan Kumpulan dengan memberi khidmat nasihat mengenai isu-isu perundangan syarikat serta isu-isu yang berkaitan dengan transaksi saham. Ia juga bertindak sebagai Pendaftar Saham bagi Syarikat.

Pejabat Setiausaha Syarikat mengatur mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan termasuk memastikan mesyuarat-mesyuarat diadakan mengikut prosedur mesyuarat yang sah serta memberi maklumat penting memastikan urusan mesyuarat itu dilaksanakan secara terbaik demi kepentingan syarikat dan para pemegang sahamnya. Setiausaha Syarikat merupakan penghubung antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menyalurkan secara berkesan usul-usul yang dicapai oleh Lembaga Pengarah untuk dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

Pada tahun laporan, sebanyak 18 mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk satu Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Selain itu, 14 mesyuarat Jawatankuasa Audit, 14 mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan, lapan mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan, tujuh mesyuarat Jawatankuasa Tender, satu mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan, dan satu mesyuarat Jawatankuasa Disiplin turut diadakan.

PENJANAAN KUASA

TNB Generation Sdn Bhd

Pada 1 September 1997, TNB Generation Sdn Bhd (TNBG) telah memulakan operasi sebagai operator Pengendalian dan Senggaraan 12 stesen janaelektrik TNB yang dipajakkan kepada TNBG untuk jangka masa panjang. Dengan kapasiti penjanaan terpasang semasa sebanyak 8,128.9 MW, TNBG merupakan penjana elektrik tunggal terbesar tanahair. Gabungan strategik antara campuran pintar kitaran turbin gas, haba lazim (minyak/gas dan arang batu), turbin gas dan penjana kuasa hidro membolehkan pilihan bahan bakar yang menghasilkan peningkatan ketara dalam dayaharap penjanaan serta keberkesanan fos.

Bagi tahun kewangan 1998, statistik-statistik bagi prestasi stesen-stesen adalah seperti berikut:-

• Penjualan Tenaga Elektrik	31,959.59 GWj
• Stesen Haba Tersedia	81.46 peratus
• Stesen Hidro Tersedia	83.60 peratus
• Jumlah Stesen Tersedia	81.94 peratus
• Keberkesanan Haba	83.74 peratus

TNB telah mencatat permintaan puncak sebanyak 8,470.4 MW pada 27 Mei 1998, yang menunjukkan peningkatan 3.37 peratus berbanding permintaan puncak 8,194.2 MW pada tahun lepas.

Menjelang akhir tahun kewangan pada 31 Ogos 1998, campuran kapasiti penjanaan terpasang adalah :-

Jenis Loji	Keupayaan	
	Terpasang	Peratus
Kitar Padu	2,002 MW	24.63
Haba Lazim (Minyak/Gas)	1,714 MW	21.08
Haba Lazim (Arang Batu)	600 MW	7.38
Turbin Gas	1,894 MW	24.53
Hidro	1,813.9 MW	22.38
Jumlah	8,128.9 MW	100.00

Pada tahun laporan, program penjanaan loji TNB menyaksikan 4 X 150 MW jentera hidro di Pergau, 1 X 95 MW turbin stim (ST4C) di Paka dan 1 X 110 MW turbin stim di Melaka dimulatugas dan digerakkan bersama ke dalam sistem. Sementara itu, 2 X 500 MW turbin arang batu di stesen janaelektrik Kapar kini menjalani ujian permulaan tugas manakala Unit 5 dijadual digerakkan bersama serta berada di tahap beban komersil pada akhir 1998. Untuk mengukuh dan meningkatkan lagi bekalan tenaga ke Pulau Pinang, TNB telah meluluskan pemindahan 1 X 110 MW turbin stim kerangka 9 ke stesen janaelektrik Gelugor.

Sejajar dengan usaha TNB mencapai Pengurusan Kualiti Bersepadu, Stesen janaelektrik Kenyir dianugerahkan pensijilan ISO 9002 pada Disember 1997. Stesen janaelektrik Serdang adalah yang pertama dianugerahkan pensijilan ISO 9002 bagi Pengurusan Kualiti Bersepadu pada Mac 1996, diikuti dengan stesen janaelektrik Tuanku Jaafar, antara stesen yang tertua di TNB, pada Jun 1997, dan seterusnya oleh stesen janaelektrik Connaught Bridge pada Ogos 1997.

Stesen janaelektrik Serdang juga adalah yang pertama dianugerahkan pensijilan ISO 14001 bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar.

Pada tahun laporan, Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia menganugerahkan dua pingat emas kepada stesen janaelektrik Kenyir dan Serdang, dan pingat-pingat perak kepada stesen janaelektrik Chenderoh, stesen janaelektrik Connaught Bridge dan stesen janaelektrik Paka kerana berjaya mengekalkan dan mematuhi piawaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pencapaian ini membuktikan bahawa TNB sangat mengutamakan keselamatan dan kesihatan anggota kerjanya.

Selain menjadi Pengeluar Kuasa terbesar di Malaysia, TNBG juga telah menandatangani kontrak untuk mengurus dan mengendalikan 235MW Kompleks Tenaga Liberty di Daharki, Pakistan.

Bagi tahun kewangan 1998, TNBG mencatat perolehan sebanyak RM3,921.3 juta.





PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

TNB Engineers Sdn Bhd

TNB Janamanjung Sdn Bhd

Kebanyakan daripada kerja-kerja penimbusan laut di tapak seluas 291 hektar milik TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ) di kawasan Teluk Pencalang (Teluk Batu) berhadapan dengan Selat Melaka telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah pakej pertama. TNBJ adalah anak syarikat milik penuh TNB, yang ditubuhkan pada 17 Ogos 1996, untuk membangunkan loji tenaga arang batu 2100 MW di Manjung, Perak. Loji bernilai RM7 ribu juta itu dibina berlandaskan contoh pengeluar tenaga bebas (IPP) untuk memenuhi permintaan tenaga elektrik negara yang semakin meningkat. Sebanyak 700 MW pertama dijadualkan siap bagi operasi komersil menjelang 2003 manakala dua unit lagi berkuasa 700 MW setiap satu akan siap mengikut jadual yang ditetapkan.

Rundingan sedang berjalan dengan para pembekal arang batu antarabangsa yang berdayaharap dan syarikat perkapalan tempatan untuk memastikan jumlah bekalan tanpa gangguan ke loji janaelektrik tersebut. Bekalan air akan disalurkan oleh Lembaga Air Perak berdasarkan perjanjian pembekalan air yang akan dirundingkan.

Pelbagai rancangan sedang dirumuskan untuk mencari jalan yang lebih baik dan inovatif untuk menghadapi kegawatan ekonomi semasa yang telah menjajaskan pembiayaan projek itu. Strategi pinjaman penyambung korporat untuk menggiatkan projek ini sedang dipertimbangkan. Atas saranan kerajaan Malaysia, TNBJ sedang merumuskan satu pelan tindakan untuk menarik minat pelabur asing.

Pada tahun laporan, TNB Engineers Sdn Bhd (TNBE) telah menjalankan beberapa projek utama seperti projek penjanaan 2 X 500 MW di stesen Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar (Fasa 3); projek hidroelektrik (4X 150 MW) di Pergau; dan pembangunan sistem penghantaran dan pembahagian 33 KV, 132 KV, 275 KV dan 500 KV di seluruh negara. Ia juga melaksanakan projek penyambungan TNB-EGAT HVDC (300/600 MW).

TNBE juga terlibat dalam pembangunan prasarana pembekalan elektrik 132 KV dan 33 KV sempena Kuala Lumpur 98 Sukan Komanwel ke - XVI. Ia juga berusaha mendapatkan projek prasarana gergasi bernilai RM500 juta di Putrajaya/Cyberjaya. Selain daripada Semenanjung, TNBE turut terlibat di dalam kerja-kerja pembangunan sistem penghantaran negeri Sabah:

Projek-projek Penghantaran dan Pembahagian 500 KV menyaksikan PMU Junjung (Kedah) 500/275 KV dan PMU Yong Peng Timur (Johor) 500/275 KV masing-masing dimulatugaskan pada 11 Mei dan 24 Ogos 1998. Kedua-dua talian penghantaran dan pencawang-pencawang kecil dalam pembangunan sistem penghantaran 500 KV telah hampir siap pembinaannya. Talian penghantaran 500 KV Ayer Tawar ke Junjung merupakan yang pertama dialirkan pada 26 Jun 1998.

Projek penghubung TNB-EGAT HVDC 300/600 MW terdiri daripada talian HVDC sepanjang 110 km (85 km TNB dan 25 km EGAT) dengan stesen pengubah DC di kedua-dua penghujung taliyan. Talian HVDC akan dialirkan pada tahap 300 KV DC dan pada peringkat awal akan membekalkan pertukaran tenaga dua haluan pada 300 MW. Di bawah Fasa 2, projek ini dijangka menyediakan keupayaan pemindahan tenaga berjumlah 600 MW.

Bagi tahun kewangan 1998, TNBE mencatat perolehan sebanyak RM62.2 juta.

TNB Engineering And Consultancy Sdn Bhd

Kegiatan TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd (TNEC) tertumpu kepada pembangunan projek dalam sektor tenaga dan perkhidmatan pengurusan projek untuk TNB dan pasaran luar. Pada tahun laporan, TNEC mendapat projek pemindahan turbin gas di Myanmar, di mana TNEC bertindak sebagai kontraktor utama.

Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan bisnesnya, TNEC berusaha memperkuatkan kedudukannya dalam perniagaan Sistem Pendinginan Lingkungan (SPL) melalui anak syarikatnya, Tenaga SPL Sdn Bhd (TSPL). Pada tahun laporan, TSPL telah berjaya memperolehi beberapa projek baru. Dalam satu persetujuan bersama, TSPL mendapat satu projek SPL untuk Universiti Multimedia Cyberjaya. Ia juga terbabit dalam usahasama untuk melaksanakan satu lagi projek SPL untuk zon utama Cyberjaya. TSPL juga meneruskan pembangunan projek Fasa 2 UNITEN yang dijadualkan siap menjelang akhir tahun 1998.

Pada tahun kewangan 1998, TNEC mencatat perolehan sebanyak RM154.3 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM2.1 juta.

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd

Tenaga Nasional Repair and Maintenance Sdn Bhd, yang ditubuhkan pada September 1995, kini dikenali sebagai TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd atau REMACO. Ia ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan senggaraan kos efektif dalam kerja-kerja pembaikan, senggaraan, pengujian dan peningkatan stesen janaelektrik. Ini termasuk perkhidmatan dalam prestasi, keupayaan berdayaharap, pengujian penjana dan perlindungan.

Pada tahun laporan, REMACO menjalankan beberapa pemeriksaan berjadual, kerja-kerja pembaikan menyeluruh, pembaikan dan permulaan tugas, pengubahan, pengukuhan, pembaikan semula dan penyelenggaraan ke atas semua jenis turbin gas, penjana kuasa, enjin diesel, dandang, alatubah dan kelengkapan loji.

Setakat 31 Ogos 1998, REMACO mencatat perolehan sebanyak RM69.8 juta berbanding RM46.7 juta pada tahun sebelumnya.

PERKHIDMATAN

Tenaga Risk Management and Services Sdn Bhd

Tenaga Risk Management and Services Sdn Bhd (TRMS), sebuah anak syarikat milik penuh TNB, terus mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk melindungi aset-aset dan tanggungan TNB. Mulai 1 September 1998, bidangkuasa profesional TRMS merangkumi kedua-dua tugas mengenai pengurusan portfolio insurans operasi dan projek, yang mana akan meningkatkan kemahiran insurans di kalangan syarikat-syarikat dalam Kumpulan TNB.

TNB Logistics Sdn Bhd

TNB Logistics Sdn Bhd (TNBL), sebelum ini dikenali sebagai TRMS Freight Forwarding Services Sdn Bhd, beroperasi semula pada 1 Ogos 1998 setelah tidak aktif hampir setahun. Anak syarikat ini memberi perkhidmatan sokongan dalam bidang logistik kepada TNB dan anak-anak syarikatnya. Perkhidmatan ini merangkumi operasi penyewaan pengangkutan, gudang, pengedaran dan terminal.

TNB Metering Services Sdn Bhd

TNB Metering Services Sdn Bhd (TMSSB) diperbadankan pada 23 Mac 1998. Mula beroperasi pada 1 September 1998 berikutnya langkah penyusunan semula Bahagian Perkhidmatan Pelanggan sebagai badan bebas. Bidang perniagaannya merangkumi pembekalan kemudahan perjangkaan kepada TNB, anak-anak syarikatnya dan industri tenaga swasta serta perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Ia juga meliputi aspek-aspek Perjangkaan dan Peralatan dalam TNRD.

HARTANAH

TNB Properties Sdn Bhd

TNB Properties Sdn Bhd (TNBPP), dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Properties Sdn Bhd, adalah sebuah anak syarikat milik penuh TNB yang ditubuhkan untuk membangun, mengurus dan menyelenggarakan harta tanah TNB; menyediakan khidmat perundingan bagi kerja-kerja senibina, sivil, elektrikal dan kejuruteraan; dan untuk mengenalpasti serta memajukan semula tanah rizab TNB yang berpotensi ekonomik dan komersil.

Pada tahun laporan, TNBPP telah merasionalisasi perniagaan dengan menumpukan terhadap pembangunan harta tanah dari pembinaan. Pada peringkat awal, lima bidang tanah telah dikenalpasti untuk pembangunan usahasama, iaitu tiga di Johor, satu di Melaka dan satu di Kuala Lumpur yang melibatkan nilai keseluruhan berjumlah RM3.78 ribu juta dan jangkaan pulangan kepada TNB sebanyak RM803 juta untuk 10 tahun akan datang.

TNBPP kini sedang mengkaji semula pembangunan tanah-tanah TNB yang berpotensi untuk dimajukan di seluruh negara.

Bagi tahun kewangan 1998, TNBPP mencatat perolehan sebanyak RM8.7 juta.

PERKILANGAN

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd (MTM), yang ditubuhkan pada 1977, adalah syarikat tempatan pertama yang mengilang alatubah. Perubahannya merupakan satu langkah strategik untuk memenuhi keperluan meluas sistem pembahagian elektrik TNB yang semakin berkembang. Anak syarikatnya ini yang memulakan operasi pengeluarannya pada Januari 1980, adalah usahasama antara TNB dan Kumpulan ABB.

MTM merupakan sebuah kilang pembuatan yang lengkap dengan keupayaan untuk merekabentuk, mengilang dan menguji. Sistem kualitinya telah diperakui memenuhi persyaratan ISO 9001:1994.

Sejak penubuhannya, MTM telah memperluaskan operasi daripada pengeluaran alatubah 11 kV kepada alatubah 33 kV yang bersaiz dari 25 kVA hingga ke 30 MVA. MTM kini mencebur usaha pengeluaran alatubah 132 kV yang meliputi dari saiz 15 MVA hingga ke 90 MVA. Alatubah 275 kV dijangka akan dikeluarkan tidak lama lagi. Alatubah keluaran MTM digunakan secara meluas oleh syarikat-syarikat utiliti di Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan digunakan oleh kilang-kilang besar, syarikat petrolium dan projek-projek utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KL Sentral dan Cyberjaya.

Pada tahun kewangan 1998, MTM mencatat perolehan sebanyak RM73.6 juta.

Tenaga Switchgear Sdn Bhd

Tenaga Switchgear Sdn Bhd (TSG) bergiat dalam urusan pemasangan dan pengeluaran perkakasuis bervoltan tinggi bertebat gas (GIS) jenis 132 kV dan 275 kV, dan pemutus litar bertebat gas (GCB). Anak syarikat TNB ini juga adalah pakar dalam kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan perkakasuis serta kontrak-kontrak 'turnkey' pencawang penghantaran. Kilang TSG berkeupayaan mengeluarkan 50 perkakasuis GIS dan 250 unit pemutus litar setahun.

Pada tahun laporan, TSG menerima anugerah antarabangsa daripada makmal pengujian CESI di Milan, Italy, bagi pemutus litar GCB 132 kV dan 275 kV, dan perkakasuis GIS 132 kV. Sejak perpindahan kilangnya ke Sungai Buloh pada Jun 1996, TSG telah mendapat tempahan untuk mengeluarkan 165 unit pemutus litar GCB dan 53 perkakasuis GIS, dan tiga kontrak 'turnkey' pencawang penghantaran. Setakat ini, lapan unit GIS dan 131 unit GCB telah dihantar ke beberapa kawasan di seluruh negara.

Setakat 31 Ogos 1998, TSG mencatat perolehan RM58.3 juta berbanding RM18.4 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 216 peratus.

PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd

Universiti Tenaga Nasional merupakan salah satu universiti swasta yang pertama di Malaysia. Ia dikendalikan oleh Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd (UNITEN), iaitu sebuah anak syarikat milik penuh TNB.

Pada tahun laporan, UNITEN telah menerima kemasukan seramai 2,917 pelajar yang mengikuti pelbagai kursus ijazah dan diploma termasuk pelajar yang mengikuti program berkembar. Sekumpulan pelajar baru telah mendaftar pada Mei 1998 yang menyaksikan seramai 1,955 pelajar. Angka ini menunjukkan peningkatan enam kali ganda melebihi pengambilan sesi pertama iaitu 318 pelajar pada Jun 1997.

Keputusan Kerajaan Malaysia untuk tidak menghantar pelajar-pelajar tajaan MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam ke universiti luar negeri akibat kelembapan ekonomi semasa merupakan sebab utama bagi kenaikan jumlah pelajar yang besar ini.

Seramai 90 pelajar yang mengikuti program berkembar Sarjana Muda Perniagaan & Pengurusan UNITEN/Lincoln University menerima ijazah mereka dalam upacara konvokesyen di UNITEN pada 18 Jun 1998. Sebelum itu, pada 9 Mei 1998, seramai 36 pelajar yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran TNB menerima Diploma Pengajian Perniagaan setelah selesai menjalani kursus selama dua tahun. Ini merupakan kali pertama UNITEN menganugerahkan diploma dalam jurusan itu.

Wang tunai dalam tangan dan di bank	272.3	249.4	224.2	230.2
	1,112.6	959.6	902.0	863.0
(d) SEKURITI BOLEH NIAGA				
Kos - tercatat di Malaysia:				
Saham	109.7	144.8	109.7	144.8
Lain-lain sekuriti	12.1	2.4	12.1	2.4
	121.8	147.2	121.8	147.2
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(94.9)	(62.4)	(94.9)	(62.4)
	26.9	84.8	26.9	84.8
Nilai pasaran	26.9	84.8	26.9	84.8

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

13. TANGGUNGJUMAN SEMASA

	Kumpulan		Syarikat	
	1998 RM'juta	1997 RM'juta	1998 RM'juta	1997 RM'juta
Sipiutang (Nota 13 (a))	2,484.7	1,990.0	1,849.6	1,901.0
Pinjaman jangka pendek (Nota 13 (b))	1,407.8	2,224.2	1,296.3	2,225.9
Cukai semasa	157.8	164.8	112.1	147.2
Dividen dicadangkan	111.6	156.2	111.6	156.2
Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat subsidari	-	-	27.7	39.7
Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu	330.4	150.0	330.4	150.0
	4,492.3	4,695.2	3,727.7	4,620.0

Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat subsidari dan syarikat-syarikat bersekutu adalah tidak berjamin, tanpa faedah dan tidak ada ketetapan dalam pembayaran balik.

(a) SAPIUTANG

Sipiutang perdagangan	1,344.9	1,397.5	1,022.3	1,345.6
Faedah pinjaman terakru	461.2	309.4	458.6	309.4
Lain-lain sipiutang, akruan-akruan dan peruntukan	678.6	283.1	368.7	246.0
	2,484.7	1,990.0	1,849.6	1,901.0

(b) PINJAMAN JANGKA PENDEK

Bahagian pinjaman berpenggal yang perlu dibayar balik dalam tempoh satu tahun (Nota 14)

- tidak bercagar	948.6	678.7	852.0	678.7
- bercagar	1.7	0.5	-	-
Pinjaman jangka pendek				
- tidak bercagar	63.5	1,144.0	63.2	1,144.0
- bercagar	-	2.8	-	-
Overdraf bank:				
- tidak bercagar	393.3	407.3	381.1	403.2
- bercagar	0.7	0.9	-	-
	1,407.8	2,224.2	1,296.3	2,225.9

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

14. PINJAMAN BERPENGHAL

	Kumpulan 1998 RM'juta	1997 RM'juta	Syarikat 1998 RM'juta	1997 RM'juta
Tidak bercagar				
- Pinjaman berpenggal	14,744.3	9,630.2	14,744.3	9,630.2
- Nota	5,624.5	4,063.5	5,624.5	4,063.5
- Debentur	2,108.8	1,451.3	2,108.8	1,451.3
	22,477.6	15,145.0	22,477.6	15,145.0
Bercagar				
- Pinjaman berpenggal	773.1	10.0	-	-
	23,250.7	15,155.0	22,477.6	15,145.0
Untuk dibayar balik dalam tempoh satu tahun termasuk: di bawah pinjaman jangka pendek (Nota 12 (b))	950.3	679.2	852.0	678.7
Untuk dibayar balik selepas satu tahun:				
Selepas satu dan sehingga dua tahun	1,165.8	626.1	1,165.8	626.1
Selepas dua dan sehingga lima tahun	7,976.1	4,295.2	7,568.8	4,294.0
Selepas lima dan sehingga sepuluh tahun	10,362.4	7,732.2	10,098.2	7,732.2
Selepas sepuluh dan sehingga dua puluh tahun	687.3	370.2	684.0	362.0
Selepas dua puluh dan sehingga tigapuluh tahun	1,476.2	1,016.6	1,476.2	1,016.6
Selepas tigapuluh dan sehingga sembilan puluh tahun	632.6	435.4	632.6	435.4
	22,300.4	14,475.8	21,625.6	14,406.3
	23,250.7	15,155.0	22,477.6	15,145.0

Pinjaman-pinjaman berpenggal tidak bercagar termasuk: RM25.4 juta (1997: RM26.4 juta) yang perlu dibayar kepada Kerajaan Malaysia, RM3,462.4 juta (1997: RM2,818.9 juta) dijamin oleh Kerajaan Malaysia, USD150 juta 7.5% Debentur yang perlu dibayar pada 15 January 2006 dan USD300 juta 7.2% Nota yang perlu dibayar pada 29 April 2007. Butir-butir mengenai pinjaman-pinjaman lain dan urusan lindungnilai mereka diuraikan di bawsh.

Kadar-kadar faedah yang digunakan untuk portfolio pinjaman-pinjaman berpenggal yang masih belum berbayar setakat 31 Ogos 1998 adalah antara 0.6% hingga 11.0% (1997: 0.1% hingga 10.6%) setahun dan kadar faedah purata ditambah beratnya yang berkuahuzaa (selepas diambil kira lindungnilai) adalah 6.9% (1997: 7.0%) setahun.

47993

(a) PINJAMAN BERPENGAL 10 TAHUN BERNILAI JPY37 BILION

Pada tahun laporan, Syarikat memasuki perjanjian pinjaman berpenggal 10 tahun tidak bercagar bernilai JPY37 bilion yang akan matang pada 30 Jun 2007 berdasarkan kadar faedah terapung. Baki setara pinjaman itu dalam nilai Ringgit Malaysia menurut dasar perakaunan Syarikat setakat 31 Ogos 1998 adalah sebanyak RM979.3 juta. Pinjaman ini merupakan pinjaman pelunasan yang mana jumlah prinsipalnya perlu dibayar dalam ansuran setara dua kali setahun sepanjang tempohnya. Pembayaran balik telah bermula pada tahun laporan. Prinsipal-prinsipal notional bagi kontrak-kontrak lindungnilai yang dihuraikan di bawah berlunas dalam cara yang sama seperti pinjaman ini.

Tukar ganti kadar faedah (IRS)

Untuk satu bahagian pinjaman itu, Syarikat telah memasuki perjanjian IRS pada 31 Disember 1997 yang melayakkannya menerima kadar faedah terapung dan dengan itu dikehendaki membayar faedah pada kadar tetap sebanyak 1.927%. Prinsipal notional awal IRS ini adalah sebanyak JPY8.6 bilion. Kesan transaksi ini adalah untuk menetapkan kadar faedah perlu dibayar ke atas bahagian pinjaman tersebut secara efektif.

Kolar kadar faedah dan tukar ganti kadar faedah hadapan

Untuk bahagian-bahagian baki pinjaman itu, Syarikat telah memasuki perjanjian kontrak-kontrak opsyen kadar faedah bagi tempoh dari 30 Jun 1998 hingga 30 Jun 2002 dengan prinsipal-prinsipal notional awal sebanyak JPY25.8 bilion. Kontrak-kontrak ini membentuk perjanjian kolar kadar faedah yang melindungnilai secara efektif kadar faedah terapung atas pinjaman itu. Kadar faedah yang perlu dibayar akan dihadkan kepada kadar maksimum tetapi tertakluk kepada kadar minimum. Terdapat juga satu perjanjian penghapusan yang menyatakan jika kadar-kadar faedah ditetapkan pada paras tertentu melebihi paras penghapusan (yang melebihi kadar maksimum) maka kadar maksimum itu dihapuskan dan kadar faedah sebenar perlu dibayar.

Untuk bahagian-bahagian yang sama, bagi tempoh dari 1 Julai 2002 hingga 30 Jun 2007, Syarikat telah memasuki perjanjian IRS yang memberi hak kepada menerima faedah pada kadar terapung ke atas prinsipal-prinsipal notional awal sebanyak JPY14.0 bilion dan menghendaknya membayar faedah pada kadar-kadar yang ditetapkan dalam lingkungan 2.74% hingga 2.90% atas jumlah yang sama.

Kesan transaksi-transaksi ini secara efektif melindungnilakan kadar faedah yang perlu dibayar atas bahagian-bahagian pinjaman itu dalam lingkungan batasan kadar maksimum dan minimum dari 30 Jun 1998 hingga 30 Jun 2002, serta menetapkan secara efektif kadar faedah yang perlu dibayar atas bahagian-bahagian yang sama pinjaman itu antara 1 Julai 2002 hingga 30 Jun 2007.

(b) NOTA 10 TAHUN BERNILAI USD500 JUTA

Pada April 1997, Syarikat menerbitkan Nota-nota tidak bercagar boleh tebus bernilai USD500 juta selama 10 tahun dengan kadar faedah 7.625%. Baki setara Nota-nota itu dalam nilai Ringgit Malaysia menurut dasar perakaunan Syarikat setakat 31 Ogos 1998 adalah sebanyak RM1,851.4 juta. Nota-nota itu boleh ditebus sepenuhnya pada 29 April 2007. Bagi tujuan melindungnilai Nota-nota itu, Syarikat telah menerima pakai dua strategi bagi setiap satu bahagian Nota berkenaan yang bernilai USD250 juta setiap satu.

Bahagian 1: USD250 juta

Tukar ganti silang matawang (CCS) USD-JPY dan kolar kaedah faedah JPY

Untuk bahagian pertama bernilai USD250 juta, Syarikat telah memasuki perjanjian tukar ganti silang matawang (CCS) pada tahun kewangan yang memberinya hak untuk menerima kadar tetap 7.625% dalam matawang Dolar Amerika dan menghendaknya membayar kadar faedah terapung dalam matawang Yen Jepun. Prinsipal-prinsipal pertukaran CCS itu berjumlah USD250 juta dan ini akan diterima oleh Syarikat sebagai menggantikan bayaran JPY31.5 bilion apabila matang. CCS itu akan berakhir pada 27 April 2007. Syarikat juga telah memasuki perjanjian kolar kadar faedah dengan prinsipal-prinsipal notional bernilai JPY31.5 bilion bagi tempoh 28 April 1998 hingga 27 April 2002 yang secara efektif melindungnilakan kadar faedah terapung Yen Jepun yang perlu dibayar atas CCS tersebut.

Kesan transaksi-transaksi ini adalah untuk menukar secara efektif Nota-nota kadar tetap Dolar Amerika kepada tanggungan kadar terapung Yen Jepun dengan kadar-kadar tetap itu terhad kepada kadar maksimum dan minimum bagi tempoh 28 April 1998 hingga 27 April 2002.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)**

14. PINJAMAN BERPENGGAL (SAMBUNGAN)

(b) NOTA 10 TAHUN BERNILAI USD500 JUTA (SAMBUNGAN)

Tukar ganti kadar faedah hadapan

Untuk bahagian yang sama, bagi tempoh 28 April 2002 hingga 28 April 2007, Syarikat telah memasuki perjanjian tukar ganti kadar faedah (IRS) yang memberinya hak untuk menerima faedah pada kadar-kadar terapung dan dikehendakinya membayar faedah pada kadar tetap dalam lingkungan 3.71% hingga 4.38% (bergantung kepada pihak-pihak menyertai urusan tukar ganti berkenaan) atas prinsipal-prinsipal notional sebanyak JPY31.5 billion.

Kesan transaksi ini adalah untuk menukar secara efektif bon-bon USD berkadar tetap kepada tanggungan JPY berkadar tetap bagi tempoh 28 April 2002 hingga 28 April 2007.

Bahagian 2: USD250 juta

Tukar ganti silang matawang meliputi opsyen USD-JPY/CHF dan kadar faedah JPY

Untuk bahagian kedua sebanyak USD250 juta itu, Syarikat telah memasuki beberapa perjanjian CCS pada tahun kewangan yang memberikannya hak untuk menerima kadar 7.625% dalam matawang Dolar Amerika dan menghendakinya membayar kadar faedah terapung dalam matawang Yen Jepun. Prinsipal-prinsipal saling tukar ganti itu berjumlah USD250 juta dan ini akan diterima oleh Syarikat sebagai mengganti bayaran JPY31.4 billion apabila matang. Tukar ganti silang ini tamat tempohnya pada 28 April 2007. Bagaimanapun, pada 28 April 1999 dan 28 Oktober 1999, pihak-pihak yang menyertai urusan tukar ganti berkenaan mempunyai pilihan untuk menukar aliran tunai Yen Jepun kepada aliran tunai kadar terapung Franc Switzerland (CHF). Seandainya pilihan itu dilaksanakan, pertukaran prinsipal pada tarikh keramatangan tukar ganti itu akan dilaksanakan menggunakan CHF dengan USD dan bukan JPY dengan USD.

Kewujudan pilihan itu mengurangkan jumlah yang perlu dibayar oleh Syarikat ke atas aliran tunai kadar terapung.

Syarikat juga telah memasuki perjanjian kolar kadar faedah dengan prinsipal-prinsipal notional sebanyak JPY18.8 billion bagi tempoh 28 April 1999 hingga 27 April 2007 yang secara efektif melindungi nilai kolar faedah terapung JPY yang perlu dibayar sewaktu urusan CCS itu dijalankan.

Kesan transaksi-transaksi ini secara efektif menukar nota-nota USD berkadar tetap menjadi tanggungan JPY berkadar terapung, yang mana kadar-kadar terapung itu terbatas kepada kadar maksimum dan minimum dengan kemungkinan tambahan petukaran kepada tanggungan CHF berkadar terapung.

(c) PINJAMAN BERPENGGAL 5 TAHUN BERNILAI USD90 JUTA

Pada tahun laporan, Syarikat telah memasuki perjanjian pinjaman tidak bercagar 5 tahun bernilai USD90 juta dengan membayar faedah pada kadar terapung. Bahi setara pinjaman itu dalam nilai Ringgit Malaysia menurut dasar perakaunan Syarikat setakat 31 Ogos 1998 adalah RM363.0 juta. Pinjaman ini akan matang pada 12 Mei 2003. Pinjaman ini adalah pinjaman pelunaan, yang mana jumlah prinsipalnya perlu dibayar dalam ansuran setara dua kali setahun bermula pada Mei 2000. Prinsipal-prinsipal notional kontrak lindungnilai yang digambaran di bawah melunes dalam cara yang sama seperti pinjaman ini.

Silang tukar ganti matawang meliputi opsyen

Syarikat telah memasuki perjanjian tukar ganti kadar faedah (IRS) bagi tempoh 28 Mei 1998 hingga 12 Mei 2003 yang memberinya hak untuk menerima kadar faedah terapung pada margin yang lebih tinggi daripada kadar faedah terapung yang ia dikehendaki membayar. Prinsipal-prinsipal notional awal berjumlah sebanyak USD90 juta. Bagaimanapun, pada Mei dan Ogos 1999, pihak-pihak yang menyertai perjanjian tukar ganti itu mempunyai pilihan untuk menukar bayaran USD berkadar terapung kepada bayaran JPY berkadar terapung. Jika pilihan itu dilaksanakan, maka akan berlaku satu siri pertukaran prinsipal yang mana Syarikat akan membayar jumlah prinsipal JPY dan menerima jumlah prinsipal USD.

Kesan transaksi-transaksi ini adalah untuk mengurangkan secara ketara margin yang perlu dibayar atas tanggungan USD Syarikat berkadar terapung dengan kemungkinan tanggungan USD berkadar terapung itu boleh ditukarkan menjadi tanggungan JPY berkadar terapung.

11. PREMIUM DEFERRED DILAPORAN

(d) NOTA 5 TAHUN BERNILAI USD300 JUTA

Pada tahun laporan, Syarikat telah memasuki perjanjian pinjaman tidak bercagar 5 tahun bernilai USD300 juta dengan bayaran faedah kadar terapung yang akan matang pada 29 Jun 2003. Baki setara Nota dalam nilai Ringgit Malaysia pada 31 Ogos 1998 menurut dasar perakaunan Syarikat adalah sebanyak RM1,042.8 juta. Pinjaman ini adalah pinjaman melunas, yang mana jumlah prinsipalnya perlu dibayar dalam ansuran setara dua kali setahun bermula Jun 2000. Prinsipal-prinsipal kontrak lindungnilai yang dihuraikan di bawah melunas dalam cara yang sama seperti pinjaman ini.

Tukar ganti matawang dan tukar ganti kadar faedah meliputi opsyen

Syarikat telah memasuki beberapa perjanjian tukar ganti kadar faedah (IRS) bagi tempoh yang berkuatkuasa antara 20 Julai 1998 hingga 30 Jun 2003 dengan beberapa institusi kewangan. Kontrak-kontrak itu memberi Syarikat hak untuk menerima kadar faedah terapung pada margin yang lebih tinggi daripada kadar faedah terapung yang perlu dibayar olehnya. Jumlah prinsipal awal adalah sebanyak USD300 juta. Terdapat satu siri pertukaran prinsipal yang mana Syarikat membayar jumlah prinsipal JPY dan menerima jumlah prinsipal USD.

Pada tarikh tempoh setiap pembayaran faedah, pihak-pihak yang menyertai perjanjian tukar ganti itu mempunyai opsyen untuk memilih matawang pembayaran faedah oleh Syarikat, sama ada dikenakan dalam bentuk USD ataupun ditukar menjadi JPY, pada kadar-kadar terapung.

Kesan transaksi-transaksi ini adalah untuk menukar secara efektif pendedahan pinjaman USD menjadi pendedahan JPY, dan mengurangkan margin yang perlu dibayar ke atas tanggungan kadar terapung Syarikat. Bagaimanapun, bayaran faedah pendedahan itu boleh dibuat sama ada dalam matawang USD berdasarkan kadar-kadar terapung USD ataupun JPY berdasarkan kadar-kadar terapung JPY, walaupun kedua-duanya akan berada pada margin yang lebih rendah berbanding sebelum ini.

(e) NOTA 10 TAHUN BERNILAI USD600 JUTA

Pada 1994, Syarikat telah menerbitkan Nota-nota tidak bercagar boleh tebus bernilai USD600 juta selama 10 tahun dengan kadar faedah 7.875%. Baki setara Nota-nota dalam nilai Ringgit Malaysia setakat 31 Ogos 1998 menurut dasar perakaunan adalah RM2,507.8 juta. Nota-nota ini boleh ditebus sepenuhnya pada 15 Jun 2004. Bagi tujuan melindungnilai Nota-nota itu, Syarikat telah menerima pakai dua strategi, satu untuk bahagian bernilai USD500 juta dan satu lagi untuk bahagian bernilai USD100 juta.

Bahagian 1: USD500 juta

Tukar ganti kadar faedah dan kolar dengan penghapusan

Untuk bahagian pertama bernilai USD500 juta, Syarikat memasuki perjanjian tukar ganti kadar faedah (IRS) pada tahun kewangan sebelumnya yang mana memberinya hak untuk menerima kadar faedah tetap sebanyak 7.875% dan menghendaknya membayar kadar terapung. Prinsipal notional bagi urusan tukar ganti itu berjumlah USD500 juta, yang akan matang pada 30 Oktober 1999. Syarikat juga telah memasuki perjanjian kolar kadar faedah dengan penghapusan dengan jumlah notional sebanyak USD500 juta yang secara efektif melindungnilaikan kadar faedah terapung USD yang perlu dibayar ke atas tukar ganti tersebut. Kolar-kolar penghapusan ini akan matang pada 13 Disember 1999.

Kesan transaksi-transaksi ini adalah untuk menukar secara efektif Nota-nota kadar tetap USD kepada tanggungan kadar terapung yang mana kadar-kadar terapung itu terbatas kepada kadar maksimum dan minimum sehingga 13 Disember 1999.

Bahagian 2: USD100 juta

Tukar ganti silang matawang kupon sifar

Untuk bahagian kedua berjumlah USD100 juta, Syarikat telah memasuki beberapa perjanjian tukar ganti silang matawang (CCS) bagi tempoh dari 15 Jun 1998 hingga 14 Jun 2004, untuk menukar bon bernilai USD100 juta kepada bon kupon sifar JPY selama tempoh 6 tahun. Jumlah yang perlu dibayar semula atas urusan tukar ganti kupon sifar JPY bergantung kepada kadar pertukaran USD/JPY pada tarikh matang tetapi jumlah muktamad yang perlu dibayar adalah terhad kepada jumlah minimum sebanyak JPY13,570 juta dan jumlah maksimum sebanyak JPY18,200 juta. Syarikat telah mengiktiraf faedah terakru ke atas bon kupon sifar itu berdasarkan kadar pulangan tetap sepanjang jangka hayat bon itu dengan anggapan bahawa jumlah muktamad boleh tebus adalah jumlah maksimum yang perlu dibayar. Bagaimanapun, sekiranya jumlah boleh tebus muktamad kurang daripada itu, maka akan berlaku penulisan balik faedah yang terlebih akru itu.

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

14. PINJAMAN BERPENGGAL (SAMBUNGAN)

(f) DEBENTUR 30 TAHUN BERNILAI USD350 JUTA

Fada 1998, Syarikat telah menerbitkan Debentur-debentur tidak bercagar boleh dibua bernilai USD350 juta selama 30 tahun dengan kadar faedah 7.5%. Baki setara Debentur-debentur itu dalam nilai Ringgit Malaysia setakat 31 Ogos 1998 menurut dasar perakaunan Syarikat adalah RM1,476.1 juta. Debentur-debentur itu boleh ditebus sepenuhnya pada 31 Oktober 2025.

Tukar ganti kadar faedah dan kolar dengan penghapusan

Syarikat telah memasuki perjanjian tukar ganti kadar faedah (IRS) dengan prinsipal-prinsipal notional berjumlah USD350 juta pada tahun kewangan sebelumnya yang mana memberinya hak untuk menerima kadar faedah tetap sebanyak 7.5% dan menghendaknya membayar kadar-kadar terapung. Prinsipal-prinsipal notional bagi urusan tukar ganti itu berjumlah USD350 juta yang akan matang pada 30 Oktober 1999. Syarikat juga telah memasuki perjanjian kolar kadar faedah dengan penghapusan dengan jumlah notional sebanyak USD350 juta yang secara efektif melindungi nilaikan kadar faedah terapung USD yang perlu dibayar ke atas tukar ganti tersebut. Kolar-kolar penghapusan ini akan matang pada 30 Oktober 1999.

Kesan transaksi-transaksi ini adalah untuk menukar secara efektif Debentur-debentur kadar tetap USD kepada tanggungan kadar terapung yang mana kadar-kadar terapung itu terbatas kepada kadar maksimum dan minimum sehingga 30 Oktober 1999.

(g) PINJAMAN-PINJAMAN BERPENGGAL LAIN

Tukar ganti kadar faedah silang matawang JPY/USD

Syarikat juga telah memasuki perjanjian-perjanjian tukar ganti silang matawang (CCS) untuk menukar secara efektif kadar tetapnya bagi melunaskan pendedahan pinjaman JPY dengan kadar faedah tetap yang perlu dibayar dalam lingkungan antara 4.67% hingga 6.74%. Baki tertinggal yang menjadi dasar pendedahan JPY ini adalah sebanyak JPY5.8 billion setakat 31 Ogos 1998. Baki setara pendedahan ini dalam nilai Ringgit Malaysia pada tarikh tersebut menurut dasar perakaunan Syarikat adalah sebanyak RM178.0 juta. Urusan tukar ganti ini berhuatkuasa bagi tempoh 18 Mei 1991 hingga 30 Oktober 2000. Setakat 31 Ogos 1998, prinsipal-prinsipal tukar ganti ini berjumlah JPY5.8 billion dan semakin berkurangan dengan waktu untuk mencerminkan jumlah prinsipal pinjaman JPY berkenaan hingga tarikh matang urusan tukar ganti itu.

Tukar ganti kadar faedah silang matawang JPY/RM dan JPY/USD

Syarikat juga telah memasuki perjanjian tukar ganti silang matawang (CCS) untuk menukar secara efektif pendedahan pinjaman USD dengan kadar terapung dan pinjaman JPY dengan kadar tetap kepada pendedahan pinjaman RM berkadar tetap dengan kadar faedah tetap yang perlu dibayar dalam lingkungan antara 4.12% hingga 8.20%. Baki tertinggal pendedahan pinjaman-pinjaman USD dan JPY ini setakat 31 Ogos 1998 adalah USD56.9 juta dan JPY12.4 billion masing-masing. Baki setara pendedahan ini dalam nilai Ringgit Malaysia pada tarikh tersebut menurut dasar perakaunan Syarikat adalah sebanyak RM497.1 juta.

Jumlah prinsipal urusan tukar ganti silang matawang USD/RM setakat 31 Ogos 1998 adalah sebanyak USD56.9 juta dan kontranya akan matang pada 19 Oktober 2001.

Transaksi-transaksi tukar ganti silang matawang JPY/RM akan matang pada 20 Januari 2000, 20 Julai 2000, 20 Januari 2001 dan 20 Julai 2001, yang mana masing-masing mempunyai jumlah prinsipal sebanyak JPY0.5 billion, JPY0.8 billion, JPY5.8 billion dan JPY6.3 billion.

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

15. **GANJARAN PERSARAAN**

Caruman ganjaran persaraan untuk anggota kerja yang layak dibayar kepada Skim Ganjaran Persaraan Syarikat, sebuah skim ganjaran tertentu dan tabung yang diiktirafkan bebas daripada kewangan Syarikat. Peruntukan telah dibuat di dalam akaun untuk jumlah-jumlah yang tidak dibayai seperti yang ditentukan oleh penilaian aktuari adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	1998 RM'juta	1997 RM'juta	1998 RM'juta	1997 RM'juta
Pada penghujung tahun	259.3	224.1	254.6	223.1

Caruman ditentukan oleh aktuari bertaualah berdasarkan penilaian sekali setiap tiga tahun dengan menggunakan Kaedah Pencapaian Umur. Penilaian yang terbaru adalah pada 31 Ogos 1997. Andalan-andalan utama yang digunakan di dalam penilaian aktuari ialah:

- (i) kenaikan gaji adalah berdasarkan formula yang telah ditentukan terdahulu;
- (ii) kadar hasil pelaburan adalah 8% setahun;
- (iii) kadar pertukaran anggota kerja adalah berdasarkan pengalaman di dalam skim-skim seumpama yang lain; dan
- (iv) kadar kematian dan persaraan akibat kezuruan kesihatan adalah berdasarkan pengalaman di dalam skim-skim lain.

Jumlah yang dicajkan kepada akaun untung rugi adalah seperti tercatat di dalam Nota 4(i) kepada akaun.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

16. CUKAI TERTUNDA

	Kumpulan		Syarikat	
	1998	1997	1998	1997
	RM'juta		RM'juta	
Cukai tertunda diperuntukan di dalam akaun:				
- kesan cukai daripada lebihan elauan modal ke atas susutnilai	786.4	602.5	800.0	600.0
- kesan cukai daripada perbezaan pemasaan tempoh jangka pendek yang lain		(16.9)		
	786.4	585.6	800.0	600.0

Cukai tertunda tidak diperuntukan di dalam akaun:

- kesan cukai daripada perbezaan pemasaan yang di bawah perundangan semasa tidak akan berubah sebaliknya sepanjang tempoh masa depan yang dapat diramalkan	4,112.9	3,932.4	4,112.9	3,932.4
- kesan cukai daripada penilaian semua aset tetap yang dipegang bagi kegunaan jangka panjang	62.6	62.1	62.0	61.5
	4,175.5	3,994.5	4,174.9	3,993.9

17. PENDAPATAN TERTUNDA

	Kumpulan/Syarikat	
	1998	1997
	RM'juta	RM'juta
Pendapatan tertunda adalah cerumah pelanggan-pelanggan yang dianalisa seperti berikut:		
Pada permulaan tahun	1,766.3	1,653.8
Penerimaan dalam tahun	400.2	336.3
Pelepasan ke akaun untung rugi (Nota 3)	(241.1)	(223.8)
Pada penghujung tahun	1,925.4	1,766.3

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

18. MODAL SAHAM

	Syarikat	
	1998 RM	1997 RM
Dibenarkan:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu	3,500,000,000	3,500,000,000
Saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tebus bernilai RM1.00 setiap satu	1	1
Diterbitkan dan dibayar penuh:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu		
Pada permulaan tahun	3,099,980,300	3,080,423,300
Terbitan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu di bawah Skim Opsyen Saham Anggota Kerja		19,557,000
Pada penghujung tahun	3,099,980,300	3,080,423,300
Saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tebus bernilai RM1.00 setiap satu		
Pada permulaan dan penghujung tahun	1	1
Pada penghujung tahun	3,099,980,301	3,080,423,301

(a) Saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tebus ('Saham Istimewa') memberikan hak kepada Kerajaan melalui Menteri Kewangan untuk menjamin keputusan-keputusan penting tertentu yang melibatkan operasi Syarikat adalah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa yang hanya boleh terdiri daripada pihak Kerajaan atau mans-mans wakil atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya, berhak menerima notis mesyuarat, tetapi tidak berhak mengundi dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, Pemegang Saham Istimewa itu berhak untuk menghadiri dan bersuara dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Pemegang Saham Istimewa berhak melantik sesiapa, tetapi tidak lebih dari 6 orang setiap masa, sebagai Pengarah yang dilantik oleh Kerajaan.

(b) Beberapa perkara tertentu, terutamanya, pertukaran Tataurusan Pertubuhan Syarikat berkaitan dengan hak-hak Pemegang Saham Istimewa, pengwujudan dan penerbitan saham-saham tambahan yang diberi hak pengundian yang berlainan, pembubaran Syarikat, penjualan harta yang penting, percantuman, penyatuhan dan pengambilalihan memerlukan kelulusan daripada Pemegang Saham Istimewa.

(c) Pemegang Saham Istimewa tidak mempunyai sebarang hak untuk menyertai di dalam modal atau keuntungan Syarikat.

(d) Pemegang Saham Istimewa mempunyai hak untuk meminta Syarikat menebus Saham Istimewa pada harga tara pada bila-bila masa.

Pada 31 Ogos 1998 terdapat 6,745,000 (1997: 2,734,000) saham biasa yang belum diterbitkan lanjutan daripada opsyen-opsyen yang diberi di bawah Skim Opsyen Saham Anggota Kerja.

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

19. PREMIUM SAHAM

	Syarikat	1998 RM'juta	1997 RM'juta
Pada permulaan tahun	3,107.1	2,958.2	
Ekoran terbitan saham biasa di bawah Skim Opayen Saham Anggota Kerja	-	148.9	
Pada penghujung tahun	3,107.1	3,107.1	

20. RIZAB

	Boleh agih		Tidak boleh agih		
	Keuntungan tertahan RM'juta	Rizab penilaian semula RM'juta	Rizab tuleraan matewang asing RM'juta	1998 Jumlah RM'juta	1997 Jumlah RM'juta
Kumpulan					
Pada permulaan tahun	8,595.8	1,237.1	-	9,832.9	10,390.2
Kerugian tahun semasa	(3,205.5)	-	-	(3,205.5)	(405.3)
Rizab pertukaran matewang asing	-	-	(26.9)	(26.9)	-
Rizab modal ekoran dari perakaunan ekuiti syarikat bersekutu dilupuskan semasa penghapusan	-	-	-	-	(152.0)
Pada penghujung tahun	5,390.3	1,237.1	(26.9)	6,600.5	9,932.9
Syarikat					
Pada permulaan tahun	8,560.3	1,231.2	-	9,791.5	10,156.7
Kerugian tahun semasa	(3,250.9)	-	-	(3,250.8)	(365.2)
Pada penghujung tahun	5,309.5	1,231.2	-	6,540.7	9,791.5

Tertakluk kepada perjanjian dengan pihak berkuasa cukai, Syarikat mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108(6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk menerbitkan lebih kurang RM1,579.5 juta (1997: RM1,735.6 juta) daripada keuntungan tertahan seandainya dibayar sebagai dividen.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

21. KOMITMEN MODAL DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan		Syarikat					
	1998	1997	1998	1997				
	RM'juta		RM'juta					
Komitmen modal								
Perbelanjaan modal yang dibenarkan tidak diambilkira di dalam akaun:								
Dikontrakkan								
Perbelanjaan modal	4,866.3	5,175.7	4,855.0	5,126.2				
Penyertaan ekuiti dalam syarikat-syarikat bersatu	76.1	14.6	8.8	14.6				
Pelaburan dalam lain-lain syarikat	21.1	13.5	21.1	13.5				
Belum dikontrakkan								
Pelaburan modal	4,534.4	14,237.3	4,287.0	14,237.1				
Pelaburan dalam lain-lain syarikat	-	0.6	-	0.6				
	9,497.9	19,446.7	9,171.9	19,397.0				

Lain-lain komitmen

Setakat 31 Ogos 1998, jumlah prinsipal notional kontrak-kontrak instrumen kewangan derivatif masih belum berbayar yang telah dimasuki oleh Syarikat adalah RM14,692.0 juta (1997: RM3,501.6 juta).

Instrumen-instrumen ini dilaksanakan dengan institusi-institusi kewangan yang berwibawa. Pengarah-Pengarah Syarikat berpendapat bahawa kemungkinan institusi-institusi kewangan ini tidak melaksanakan perjanjian mereka adalah kecil memandangkan keteguhan kedudukan kewangan masing-masing.

Salah sebuah syarikat subsidieri TNB, TNB Generation Sdn Bhd, telah memasuki kontrak instrumen derivatif bahan api tertentu untuk tujuan lindungnilai dan perdagangan yang boleh dirundingkan dengan prinsipal notional belum berbayar setakat 31 Ogos 1998 berjumlah kira-kira 3,330,000 tong dan 710,000 tan Minyak Mentah dan Minyak Bahan Api Bersulfur Tinggi masing-masing. Berdasarkan harga bahan api setakat 31 Ogos 1998, jumlah prinsipal notional ini adalah RM344,892,000.

22. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Tuntutan oleh pihak ketiga	261.6	116.7	261.6	116.7
Jaminan perdagangan dan bon prestasi	6.8	6.3	-	-
Pinjaman perumahan dijual kepada Cagamas Berhad	260.2	269.9	260.2	269.9
Jaminan Korporat untuk pembiayaan kewangan	732.4	477.1	732.4	477.1
	1,261.0	870.5	1,254.2	863.7

Tuntutan oleh pihak ketiga termasuk: tuntutan daripada kontraktor-kontraktor, perunding-perunding, pelanggan-pelanggan dan bekas anggota kerja. Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap tanggungan-tanggungan luar jangka berkaitan dengan penjualan pinjaman-pinjaman perumahan kepada Cagamas Berhad, di bawah syarat akujanji bahawa Syarikat akan terus mentadbir pinjaman-pinjaman tersebut bagi pihak Cagamas Berhad dan akan membeli semula mana-mana pinjaman yang dianggap tidak disempurnakan berdasarkan kepada kriteria kehematan.

N O T A - N O T A K E P A D A A K A U N
31 OGOS 1998 (SAMBUNGAN)

23. URUSNIIAGA PENTING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Dalam keadaan perniagaan biasa, Syarikat melaksanakan pelbagai transaksi bersyarat dengan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutunya.

Transaksi-transaksi yang telah dijalankan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	1998 RM'juta	1997 RM'juta	1998 RM'juta	1997 RM'juta
(a) Pembelian elektrik dari:				
- syarikat subsidiari			3,921.3	
- syarikat-syarikat bersekutu	2,039.8	1,566.0	2,039.8	1,566.0
(b) Pendapatan faedah diterima dari:			2.6	
- syarikat-syarikat subsidiari			13.9	14.0
- syarikat-syarikat bersekutu		14.0	13.9	14.0
(c) Pendapatan pajakan diterima dari:			1,156.8	
- syarikat-syarikat subsidiari				
(d) Pembelian barang/perkhidmatan dari:			379.9	265.8
- syarikat-syarikat subsidiari				
(e) Pindahan aset tetap kepada:			24.7	
- syarikat-syarikat subsidiari				

Syarikat telah memasuki perjanjian pajakan pada tahun semasa dengan syarikat subsidiari hak milik penuh, TNB Generation Sdn Bhd. Di bawah perjanjian tersebut, Syarikat bersetuju memajakkan semua loji tenaga penjanaan kepada TNB Generation Sdn Bhd. Syarikat subsidiari ini sekarang mengambil alih perniagaan penjanaan dan menjual elektrik kepada Syarikat. Jumlah sewa pajakan yang diterima oleh Syarikat dan pajakan aset tetap dinyatakan seperti di atas dan di dalam Nota 3 masing-masing.

24. PERISTIWA MUTAKHIR

- (i) Syarikat subsidiari hak milik penuh, Sabah Electricity Sdn Bhd ('SESB') telah mensyaratkan Perjanjian Penswastaan ('perjanjian') dengan pihak Kerajaan pada 26 Ogos 1993. Pada 1 September 1993, mengikut terma dan syarat perjanjian, Kerajaan telah bersetuju menswastaikan operasi perniagaan dan pengambilalihan swam Lembaga Elektrik Sabah dengan cara pemindahan aset dan tanggungan kepada SESB.
 Syarikat dikehendaki di bawah perjanjian menawarkan 20% setiap satu saham modal yang dibesarkan milik SESB kepada Petroliam Nasional Berhad dan Kerajaan Negeri Sabah tidak lewat dari 30 November 1993.
- (ii) Berkuatkuasa 1 September 1993, Ringgit Malaysia telah ditetapkan pada hadar USD1.00 kepada RM3.80. Seandainya aset dan tanggungan dalam matawang asing telah ditukar pada hadar tetap USD1.00 kepada RM3.80, kerugian pertukaran seperti dinyatakan dalam Nota 4(ii) kepada akaun akan berkurangan sebanyak RM734.5 juta.

**KENYATAAN PENGARAH-PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT 1965**

Kami, Datuk Dr. Ahmad Tajuddin bin Ali dan Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad, dua daripada Pengarah-Pengarah Tenaga Nasional Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah-Pengarah, akaun yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 44 telah disusun untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 1993 dan keputusan Kumpulan dan Syarikat serta aliran tunai Kumpulan untuk tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Standard-Standard Perakaunan diluluskan yang sewajarnya.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



DATUK DR AHMAD TAJUDDIN BIN ALI
Pengerusi Eksekutif & Presiden




DATO' MEGAT ABDUL RAHMAN BIN MEGAT AHMAD
PENGARAH

Kuala Lumpur
10 November 1998

 KUAN BERKANUN

Saya, Syed Fahkri Barakbah bin Tun Syed Sheh Barakbah, pegawai utama yang bertanggungjawab untuk pengurusan kewangan Tenaga Nasional Berhad, dengan ini mengaku dengan benar dan ikhlas bahawa akaun yang dibentangkan di muka surat 8 hingga 44 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan benar ini sesungguhnya dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Pengakuan Berkanun, 1960.

Diturunkan dan diakui benar oleh penama
di atas Syed Fahkri Barakbah bin Tun Syed
Sheh Barakbah pada 10 November 1998
di Kuala Lumpur, Malaysia di hadapan saya



SYED FAHKRI BARAKBAH BIN
TUN SYED SHEH BARAKBAH

Di hadapan saya,



ABAS BIN HASAN
Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur
10 November 1998

1st, Floor Putra Flatlet
101, Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLY AKAUN
TENAGA NASIONAL BERHAD

11th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
P O Box 10192
50706 Kuala Lumpur, Malaysia

Telephone: 03-293 1077
Cable: 'Pricewater'
Telex: MA 30018
Telecopier: 03-293 0997
Mail Room: 10th Floor

Price Waterhouse



Kami telah mengaudit akaun-akaun yang dibentangkan di muka surat 8 hingga 44. Akaun-akaun ini adalah tanggungjawab Pengarah-Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai akaun-akaun ini berdasarkan pengauditan kami.

Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Standard-Standard Audit yang diluluskan. Standard-Standard tersebut menghendaki kami merancang dan melaksanakan kerja-kerja audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah mengenai sama ada akaun-akaun ini bebas daripada salah nyata fakta yang penting. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, atas dasar pengujian, keterangan yang menyokong jumlah-jumlah dan pernyataan di dalam akaun. Sesuatu audit juga meliputi penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengarah-Pengarah dan juga penilaian ke atas pembentangan akaun secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) akaun-akaun tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Ogos 1998 dan keputusan Kumpulan dan Syarikat serta aliran tunai Kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Standard-Standard Perakaunan diluluskan yang sewajarnya dan mematuhi Akta Syarikat, 1965; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Nama syarikat-syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami adalah dinyatakan di dalam Nota 9 kepada akaun. Kami telah mempertimbangkan akaun syarikat-syarikat subsidiari tersebut dan juga laporan juruaudit mengenainya.

Kami berpuas hati bahawa akaun syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan akaun Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan akaun yang disatukan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas akaun syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan tidak dikenakan sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut seksyen kecil (3) Seksyen 174 di bawah Akta tersebut.

Price Waterhouse

PRICE WATERHOUSE
(No. AF-0052)
Aktauntan Awam

V. Uthaya Kumar

UTHAYA KUMAR S/O K. VIVEKANANDA
(No. 1455/6/00 (J))
Rakan dalam firma

Kuala Lumpur
10 November 1998

47993

47993

TARIK

(DATE ISSUED)

TNB

HD

9685

L36

1993

Muka surat ini sengaja dikosongkan

UNITEN LIBRARY



000000070403

PROXY FORM

Number of Shares held	
-----------------------	--



**TENAGA
NASIONAL BERHAD** (2003347)
(Incorporated in Malaysia)

I/We, _____
(BLOCK LETTERS)

of address _____

being a Member/Members of Tenaga Nasional Berhad, hereby appoint

of _____

or failing him/her _____

of _____

or failing him/her, the Chairman of the Meeting, as my/our proxy, to vote for me/us, and on my/our behalf at the Eighth Annual General Meeting of the Company to be held on **Thursday, 29 December 1998 at 9.30 am at the Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur** and/or at any adjournment thereof in the manner indicated below:

		FOR	AGAINST
1.	Resolution 1 Adoption of Directors' Report and Audited Accounts for the year ended 31 August 1998		
2.	Resolution 2 Declaration of Dividend		
3.	Resolution 3 Payment of Directors' Fees		
4.	Resolution 4 Re-election of Haji Mokhtar Rudin bin Wan Yusof		
5.	Resolution 5 Re-election of Haji Mohd Yusof bin Ibrahim		
6.	Resolution 6 Re-election of Dato' Hari Narayanan s/l Govindasamy		
7.	Resolution 7 Appointment of Messrs PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company in place of the retiring Auditors, Messrs Price Waterhouse.		
8.	Resolution 8 Special Business: Ordinary Resolution Section 132D Companies Act, 1965 on Issue of New Shares		

(Please indicate " X " in the appropriate box against each Resolution as to how you wish your proxy/proxies to vote. If no voting instruction is given, this form will be taken to authorise the proxy/proxies to vote at his/her discretion).

Dated: _____ day of _____ 1998

Signature of Shareholder(s) or Common Seal

Notes :

1. Any member entitled to attend and vote at this Meeting of the Company is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a Member of the Company.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly appointed under a power of attorney. Where the instrument appointing a proxy/proxies is executed by a corporation, it shall be executed either under its common seal or under the hand of any officer or attorney duly appointed under a power of attorney.
3. Where a Member appoints two proxies, the appointments shall be invalid unless the percentage of the holding to be represented by each proxy is specified.
4. A corporation which is a Member, may authorise by resolution of its Directors or other governing body, such person as it thinks fit to act as its representative at the Meeting, in accordance with Article 107(6) of the Company's Articles of Association.
5. The instrument appointing a proxy/proxies must be deposited at the Company's Share Registrar, Share Registration Section, Tenaga Nasional Berhad, Level 1, Generation Building, 129 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur not less than forty-eight (48) hours before the time set for the Meeting.




Fold Here

STAMP

47993

**Company's Share Registrar
Share Registration Section
Tenaga Nasional Berhad
Level 1, Generation Building
129 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur
Malaysia**

Fold Here



BORANG PROKSI

Jumlah Saham yang dipegang



**TENAGA
NASIONAL BERHAD**
(Diperbadankan di Malaysia)

Saya/Kami,

(HURUF DESAR)

beralamat

adalah Ahli/Ahli-ahli Tenaga Nasional Berhad, dengan ini melantik:

beralamat

ataupun

beralamat

atau jika beliau tidak hadir, Pengurus Mesyuarat sebagai Proksi saya/kami, untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Syarikat yang akan diadakan pada hari **Selasa, 29 Disember 1998, jam 9.30 pagi di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur** dan/atau di Mesyuarat yang ditangguhkan seperti berikut:-

		MENYOKONG	MENENTANG
1.	Resolusi 1 Menerima Laporan Pengarah dan Aktaun yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Ogos 1998		
2.	Resolusi 2 Pengisytiharan Dividen		
3.	Resolusi 3 Pembayaran Elaun Pengarah-Pengarah		
4.	Resolusi 4 Pemilihan semula Haji Mokhtar Rudin bin Wan Yusof		
5.	Resolusi 5 Pemilihan semula Haji Mohd Yusof bin Ibrahim		
6.	Resolusi 6 Pemilihan semula Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy		
7.	Resolusi 7 Perlantikan Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat bagi menggantikan Juruaudit yang bersara, Tetuan Price Waterhouse.		
8.	Resolusi 8 Urusan Khas: Resolusi Biasa Seksyen 182D, Akta Syarikat, 1965 bagi Terbitan Saham Baru		

(Sila tandakan 'X' dalam ruang yang sesuai di sebelah tiap-tiap Resolusi tentang bagaimana anda hendak proksi anda mengundi. Jika sebarang petunjuk undi tidak diberi, borang ini akan dianggap sebagai memberi kuasa kepada proksi untuk mengundi mengikut budibacaranya).

Bertarikh: _____ haribulan _____ 1998

Tandatangan Pemegang Saham atau Meterai

Note:

1. Mana-mana Ahli yang berhati menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat Syarikat berhati melantik satu atau dua orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi ini tidak semestinya seorang Ahli Syarikat.
2. Suratcara melantik proksi atau proksi-proksi hendaklah ditandatangani oleh orang yang melantik atau dimeterai oleh peguamcaranya. Jikalau suratcara perlantikan proksi atau proksi-proksi diuruskan oleh sebuah perbadanan, surat ini hendaklah dimeterai atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau peguamcar yang diberi kuasa.
3. Jika seorang Ahli melantik dua orang proksi, perlantikan itu tidak akan mewujudkan peratusan pegangan yang diwakili oleh setiap proksi itu ditetapkan.
4. Sebuah perbadanan yang menjadi Ahli boleh memberi kuasa melalui resolusi Pengaruh-Pengaruhnya atau lain-lain badan berkuraus, kepada seseorang yang difitirkan sesuai untuk bertindak sebagai wakilnya dalam Mesyuarat ini menurut Artikel 107(2) Tataurusan Syarikat.
5. Suratcara melantik Proksi atau Proksi-Proksi hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Saham Syarikat, Seksyen Pendaftaran Saham, Tenaga Nasional Berhad, Aras 1, Bangunan Perjanjian, 129 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur tidak kurang dari empat puluh lapan (48) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk Mesyuarat.

**UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL**

47993

Lipat di sini

SETEM

**Pendaftar Saham Syarikat
Seksyen Pendaftaran Saham
Tenaga Nasional Berhad**
Aras 1, Bangunan Penjanaan
129 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur
Malaysia

Lipat di sini

*UNIVERSITI
TENAGA
NASIONAL*



<http://library.uniten.edu.my>

TNB
HD
9685
.L36
1998

(200865-W)

<http://www.tnb.com.my>